



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN MELAKA**

**BAHASA MELAYU
Kertas 1**

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan markah ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSM**.

Kegunaan khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2016
BAHASA MELAYU 1**

PANDUAN UMUM PEMERIKSAAN BAHAGIAN A DAN B

- i. Fokus pemeriksaan adalah kepada ketepatan menjawab TUGASAN.
- ii. BAHASA DAN PENGOLAHAN juga perlu diberi perhatian.
- iii. Calon yang TIDAK MENJAWAB TUGASAN atau MENJAWAB SEBAHAGIAN TUGASAN tidak boleh berada pada peringkat KEPUJIAN dan CEMERLANG.

BAHAGIAN A (30 MARKAH)

Lihat rajah di bawah dengan teliti.. . Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah membangunkan bidang sukan di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan langkah-langkah membangunkan bidang sukan di negara kita.
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan
 - Latihan Secara Intensif
 - Menyediakan Imbuhan Yang Lumayan
 - Pendedahan Dalam Kejohanan Antarabangsa
 - Kemudahan Prasarana Yang Mencukupi.

Kemungkinan

1. Sekiranya calon mengambil satu idea yang diberi dan ditambah dengan idea yang lain – diterima – periksa seperti biasa
2. Calon hanya menghuraikan satu idea tetapi dihuraikan dengan jelas – diterima – periksa seperti biasa
3. Sekiranya jumlah perkataan kurang 200 patah perkataan – tidak layak cemerlang kerana huraian dianggap tidak berkembang
4. Calon menulis idea lain selain maklumat yang terdapat dalam bahan rangsangan tetapi masih menyentuh tugas soalan – maksimum kepujian.

BAHAGIAN B

Soalan 1

1. Kejayaan seseorang bermula daripada impian dan cita-cita.

Sebagai remaja yang berwawasan, jelaskan usaha-usaha yang anda lakukan untuk memastikan impian tersebut menjadi kenyataan.

Diharapkan calon dapat :

1. Menjelaskan usaha-usaha untuk memastikan impiannya menjadi kenyataan
2. Menggunakan perkataan '**saya**' atau '**remaja**' dalam isi yang dikemukakan

Kemungkinan

1. i. Calon memberikan faktor atau kesan –
markah di peringkat **Pencapaian Minimum**
ii. Isi bercampur aduk (langkah + kesan/faktor) – lihat isi dominan
 - i. 3 langkah + kesan @ faktor – **terima seperti biasa**
 - ii. 2 langkah + 3 faktor @ kesan –maksimum **peringkat baik**
 - iii. 1langkah +3 faktor@ kesan – maksimum **peringkat kurang memuaskan**
2. Jika menggunakan perkataan selain '**saya**' atau '**remaja**', tidak layak cemerlang.

Soalan 2

Menabung amat penting untuk menjamin kehidupan pada masa hadapan.

Apakah peranan ibu bapa dalam memastikan amalan menabung menjadi budaya masyarakat kita?

Diharapkan calon dapat :

1. Menjelaskan peranan/tugas/tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan amalan menabung menjadi budaya masyarakat kita.

Kemungkinan

1. Calon memberikan langkah atau faktor atau kesan –
markah di peringkat **Pencapaian Minimum**
2. Isi bercampur aduk (peranan + kesan/faktor/langkah) – lihat isi dominan
 - iv. 3 peranan + kesan/ faktor/langkah – **terima seperti biasa**
 - v. 2 peranan + 3 faktor/ kesan/langkah –maksimum **peringkat baik**
 - vi. 1 peranan + 3 faktor /kesan /langkah – maksimum **peringkat kurang memuaskan**
3. Jika calon menulis peranan pihak lain tanpa menyatakan peranan ibu bapa – maksimum peringkat pencapaian minimum

Soalan 3

Anda ingin menyertai pertandingan menulis esei bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan di tempat anda. Tajuk yang anda pilih ialah “ Ke Arah Melahirkan Patriotisme dalam Kalangan Masyarakat”.

Tulis esei anda selengkapnya.

Diharapkan calon dapat :

1. Menulis tentang cara-cara melahirkan patriotisme (perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air) dalam kalangan masyarakat.

Kemungkinan

1. Jika calon menulis karangan tentang kebaikan/kesan patriotisme -
maksimum peringkat pencapaian minimum
2. Isi bercampur aduk (cara +faktor/kebaikan/kesan) – lihat isi dominan
 - i. 3 cara +faktor/ kebaikan/kesan – **terima seperti biasa**
 - ii.2 cara + 3 faktor/ kebaikan/kesan –maksimum **peringkat baik**
 - iii.1 cara+ 3 faktor/ kebaikan/kesan –
maksimum **peringkat kurang memuaskan**

Soalan 4

Aktiviti pemerdagangan manusia di peringkat global sangat membimbangkan dan mendatangkan kesan negatif kepada negara yang terlibat.

Bincangkan

Diharapkan calon dapat :

1. Menulis tentang kesan negatif aktiviti pemerdagangan manusia kepada negara yang terlibat
2. Calon boleh menulis kesan negatif di negara sendiri (Malaysia) atau di negara-negara lain.

Kemungkinan

1. Calon memberikan langkah atau faktor –
markah di peringkat **Pencapaian Minimum**
2. Isi bercampur aduk (kesan +faktor/langkah) – lihat isi dominan

i.3 kesan +faktor/langkah – **terima seperti biasa**

ii.2 kesan + 3 faktor/langkah –maksimum **peringkat baik**

iii.1 kesan +3 faktor/langkah –
maksimum **peringkat kurang memuaskan**

soalan 5

Awal suruhan ialah membaca
Menuntut ilmu disuruh budaya
Inilah teladan sepanjang masa
Gayakan hidup dengan membaca

Lirik lagu 'Membaca Gaya Wawasan' di atas menggambarkan kepentingan membaca kepada masyarakat. Namun, kepesatan kemajuan teknologi maklumat kini, menyebabkan masyarakat leka dengan gajet-gajet terkini dan mengabaikan amalan membaca dalam kehidupan.

Bincangkan usaha-usaha untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Diharapkan calon dapat :
Menulis tentang usaha-usaha untuk menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Kemungkinan

1. Jika calon menulis karangan tentang kebaikan/kesan membaca - maksimum peringkat pencapaian minimum
2. Isi bercampur aduk (cara +faktor/kebaikan/kesan) – lihat isi dominan
 - i. 3 cara +faktor/ kebaikan/kesan – **terima seperti biasa**
 - ii. 2 cara + 3 faktor/ kebaikan/kesan –maksimum **peringkat baik**
 - iii. 1 cara+ 3 faktor/ kebaikan/kesan – maksimum **peringkat kurang memuaskan**

**Bahagian A
(30 markah)**

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> - menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas dan tepat - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik - idea relevan, huraian jelas dan matang
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<ul style="list-style-type: none"> - menepati tema bahan rangsangan - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan tepat - penggunaan kosa kata luas - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<ul style="list-style-type: none"> - masih menepati tema bahan rangsangan - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca masih betul dan tepat - penggunaan kosa kata umum - wacana masih lengkap, unsur bahasa masih bervariasi - idea masih relevan, huraian masih jelas

Kurang Memuaskan	10 -14 (12 – 14) (10 – 11)	<ul style="list-style-type: none"> - masih/kurang menepati tema bahan rangsangan - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat - kesalahan tatabahasa/ejaan ketara - penggunaan kosa kata terhad - wacana kurang lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea masih/kurang relevan, huraian masih/kurang jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	<ul style="list-style-type: none"> - murid tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - murid tidak memahami tema bahan rangsangan - idea tidak menepati tema bahan rangsangan

- Catatan :
- Tiada pemotongan markah bagi setiap kesalahan ejaan
 - Calon digalakkan menggunakan ungkapan menarik (peribahasa, katakata hikmat, petikan hadis, slogan, petikan ucapan, pantun, maksud alQuran dan sebagainya)

Bahagian B

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
 - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
 - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak $\frac{1}{2}$ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang
5. Cara menanda kesalahan isi , ejaan dan tanda baca :

() = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

○ = Kesalahan tanda baca

Bahagian B : Karangan Respons Terbuka**(100 markah)****KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none">- penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis- ejaan dan tanda baca betul- laras bahasa sesuai dengan tugas- penggunaan kosa kata luas dan tepat- idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai- pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai- wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan- penggunaan unsur bahasa bervariasi- gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none">- penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat- penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum- ejaan dan tanda baca betul- laras bahasa sesuai dengan tugas

		<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kosa kata luas dan tepat - idea yang relevan mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai - wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan unsur bahasa bervariasi - gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan Bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	<p>51 – 65 (58 -65) (51 – 57)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - penggunaan kosa kata umum - laras bahasa sesuai mengikut tugas - idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai - wacana masih lengkap - penggunaan unsur bahasa masih bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
	<p>36 – 50</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan pelbagai jenis kata terhad - ayat kurang gramatis - ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang

<p>MEMUASKAN</p>	<p>(43 – 50) (36 – 42)</p>	<p>minimum</p> <ul style="list-style-type: none"> - laras bahasa kurang sesuai - idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai - wacana masih/kurang lengkap - penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi - gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan
<p>KURANG MEMUASKAN</p>	<p>21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - penggunaan kata kurang tepat - ayat tidak gramatis tetapi masih difahami - terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - <p>idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</p> <ul style="list-style-type: none"> - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang - Unsur bahasa tidak bervariasi/lemah - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah

<p>PENCAPAIAN MINIMUM</p>	<p>01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> - keseluruhan karangan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis - kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai - pengolahan tidak menarik - wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai - gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik - keseluruhan karangan sukar/tidak difahami
--------------------------------------	---	--